

**PERTANYAAN-PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE 13 – DEWAN RAKYAT.**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
( NIBONG TEBAL )**  
**TARIKH** : **13 MAC, 2014 ( KHAMIS )**  
**NO SOALAN** : **NOMBOR 20**

---

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DATO' MANSOR BIN OTHMAN [ NIBONG TEBAL ]**  
minta**PERDANA** **MENTERI**  
menyatakanhasildaripadamesyuaratMajlisRundinganPerpaduan Negara (NUCC)  
padaJanuari 2014 dansejauhmanakahkesediaanKerajaanbertindakatascadangan-  
cadangan NUCC.

**JAWAPAN :**

**Tan Sri Yang Di Pertua ;**

Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) telah ditubuhkan pada 11 September 2013. Ia merupakan mekanisma untuk mempergiatkan usaha penyatuan nasional (*national reconciliation*) untuk mengurangkan polarisasi kaum dan usaha membina bangsa Malaysia yang bersatu padu. MKPN ini menjadi platform untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kompleks bagi merintis jalan untuk mencari penyelesaian dan merapatkan jurang yang menghalang perpaduan.

Di antara peranan dan tanggungjawab MKPN adalah :

- i. Bertindak sebagai badan penasihat kepada Kerajaan dalam hal ehwal perpaduan dan integrasi nasional;
- ii. Menyediakan forum untuk ahli-ahlinya mengemukakan buah fikiran bagi menentukan halatuju dan dasar perpaduan Negara dan integrasi nasional;
- iii. Mengesyorkan bidang kajian yang diperlukan berkaitan dengan perpaduan Negara dan integrasi nasional;
- iv. Menggubal pelan tindakan perpaduan Negara dan integrasi nasional; dan
- v. Mencadangkan syor-syor untuk mengukuhkan perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Memandangkan MKPN ini ditubuhkan oleh Kerajaan, maka Kerajaan memang bersedia untuk menerima dan mempertimbangkan apa jua cadangan jangka panjang yang dikemukakan kelak. MKPN bukan bertindak sebagai badan penyelesai ke atas isu-isu semasa yang berbangkit, tetapi peranan dan tanggungjawabnya lebih berbentuk mencadangkan Pelan Tindakan jangka panjang berkaitan perpaduan dan integrasi nasional dengan memberi tumpuan kepada bidang-bidang tertentu antaranya :

- i. Perundangan dan dasar-dasar mempromosikan keharmonian Negara;
  - ii. Membina bangsa dan persefahaman silang budaya;
  - iii. Pembangunan inklusif;
  - iv. Belia dan perpaduan; dan
  - v. Integrasi Nasional
-